

Pusat sedia hadapi banjir di Kedah

Oleh AHMAD SYAHIR KASSIM
syahir.kassim@kosmo.com.my

ALOR SETAR - Semua agensi kerajaan Persekutuan di Kedah bersiap sedia untuk menghadapi kemungkinan banjir besar yang diramal melanda negeri ini dalam tempoh terdekat.

Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan negeri, Datuk Mohd. Johari Baharom (**gambar**) berkata, persediaan sudah dibuat daripada aspek logistik, sukarelawan, pusat penempatan, bekalan makanan kering dan jentera untuk digerakkan ke kawasan bencana.

Katanya, Majlis Keselamatan Negara (MKN) juga akan membentangkan segala persiapan tersebut ke-

pada pengurusan bencana negeri supaya ia dapat diselaraskan.

"Jabatan Meteorologi meramalkan negeri-negeri di utara berdepan risiko banjir besar berikutan jangkakan peningkatan kadar hujan 20 hingga 40 peratus sekali gus mendorong kita membuat persiapan awal dan lebih bersiap sedia.

"Kita bukan mahu mengambil alih tugas tetapi mahu membantu kerajaan negeri berdepan situasi banjir. Sebagai agensi kerajaan Persekutuan, kita rasa bertanggungjawab dan mahu memberikan khidmat terbaik kepada rakyat," katanya selepas mendengar taklimat banjir di sini kelmarin.



Menurut beliau, sebagai langkah berjaga-jaga, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan merekodkan setiap taburan hujan bagi memastikan amaran banjir dapat dihebahkan segera.

Katanya, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut mengenal pasti 456 pusat pemindahan yang mampu menempatkan lebih 80,000 mangsa.

Selain itu, tambahnya, JKJ juga mempunyai stok bekalan makanan kering seperti minyak masak dan sardin di empat lokasi yang berisiko terputus hubungan ketika banjir.

Jelasnya, lokasi tersebut adalah Sekolah Kebangsaan Penghulu Haji Darus, Wang Tepus; Dewan Orang Ramai Kampung Lahar dan Dewan Orang Ramai Kampung Betong di Jitra serta Rumah Anak Yatim Kampung Perik, Padang Terap.